



Pengangkutan futuristik menjadi teras utama dalam aku janji PRU-14

# BN komited atasi kesesakan

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**P**eningkatan jumlah kenderaan di jalan raya terutama di bandar-bandar besar telah menyebabkan kesesakan trafik yang teruk dan berpanjangan.

Berdasarkan data daripada Persatuan Automotif Malaysia, sebanyak 28.2 juta unit kenderaan didaftarkan di Malaysia setakat 30 Jun 2017.

Bagaimanapun, manifesto Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 6 April lalu bakal memberi impak besar kepada penyuraian kesesakan jalan-jalan utama dan lebuh raya di seluruh negara.

Di bawah teras Pengangkutan Futuristik, aku janji BN tidak hanya tertumpu kepada usaha mempertingkatkan jaringan kemudahan awam di bandar-bandar besar, malah mencakupi agenda kesalinghubungan antara kawasan-kawasan luar bandar.

Dalam teras itu juga menggariskan usaha mewujudkan pemba-



TRANSIT Aliran Massa merupakan pengangkutan terbaharu negara yang canggih dan moden. - Gambar hiasan



ngunan bandar baharu moden dan hijau di sepanjang jajaran pengangkutan awam.

Pengerusi Pusat Penyelidikan Bandar Pintar dan Lestari, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Wan Hamidon Wan Badaruzzaman berkata, aku janji BN itu bertepatan dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Menurutnya, peng-

mudahan ini menyokong pembangunan bandar dengan menyelesaikan beberapa masalah seperti pencemaran dan kesesakan.

"Bagaimanapun, jaringan hubungan dari satu destinasi ke destinasi lain perlu lebih efisien bagi meningkatkan tahap kompetensinya untuk beroperasi," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia, Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, kemudahan pengangkutan bersepadu yang baik dan efisien akan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

"Kecekapan pengangkutan awam dan inisiatif lain yang akan dilaksanakan di bawah teras ini dapat meningkatkan minat orang ramai khususnya golongan belia untuk menggunakannya.

"Hal ini juga akan membantu melonjakkan kelangsungan prasarana ini untuk beroperasi selain memastikan kelancaran trafik bertambah baik dalam jangka masa panjang," ujarnya.



MOHD. YUSOF



WAN HAMIDON

gunaan teknologi hijau dan gaya kehidupan baharu yang mesra alam dalam perkhidmatan pengangkutan awam dapat dipertingkatkan menerusi kewujudan bandar pintar.

"Salah satu kriteria bandar pintar dan lestari ialah memiliki pengangkutan yang menggunakan teknologi hijau. Ke-

INFO

## Manifesto BN PENGANGKUTAN FUTURISTIK

- Memperkenalkan pas pengangkutan awam TN50 berharga antara RM50-RM150 untuk akses perjalanan tanpa had sebulan untuk pelajar, belia bekerja, warga emas dan OKU
- Membina Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura
- Membina Landasan Kereta Api Pantai Timur dari Pelabuhan Klang ke Pengkalan Kubor
- Meningkatkan jaringan pengangkutan awam Lembah Klang dengan pembangunan Sistem Transit Aliran Ringan Fasa 3 dan Sistem Transit Aliran Massa Fasa 3
- Membina Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru
- Menaik taraf dan menyelenggara Jalan Persekutuan sebagai alternatif kepada lebuh raya bertol
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan bas pengantara
- Membina landasan Kereta Api Elektrik dan Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang
- Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Kota Bharu
- Membina Sistem Transit Rapid yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura
- Menyiapkan Lebuh Raya Pantai Barat dari Banting ke Taiping menjelang 2020
- Menaik taraf fasiliti jeti, terminal dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin Pulau Langkawi
- Membina lebuh raya Laluan Lingkaran Tengah menghubungkan Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan
- Menyiapkan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3
- Menaik taraf gerabak perkhidmatan Kereta Api Elektrik
- Membaik pulih gerabak dan lokomotif Keretapi Tanah Melayu
- Meningkatkan penggunaan bas elektrik secara berperingkat
- Menaik taraf jalan sejauh 422 kilometer di kawasan-kawasan Felda
- Menaik taraf jalan di kawasan sawah sepanjang 623 kilometer bagi memudahkan pengangkutan padi
- Menaik taraf laluan empat lorong kepada enam lorong di Lebuh Raya Utara-Selatan dari Yong Peng ke Johor Bharu
- Membina lebuh raya baharu, Kuala Linggi-Masjid Tanah-Klebang-Teluk Mas, Melaka
- Membina lapangan terbang baharu di Seri Iskandar, Perak
- Mempercepatkan dan menyiapkan lebuh raya dari Gua Musang ke Kota Bharu